

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. DATUK HIMMAT SINGH**

**MAJLIS PENGHARGAAN PENGAUDITAN PENGURUSAN
KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI**

(AI) BAGI TAHUN 2012

PADA : 23 JANUARI 2014 (KHAMIS)

Selamat Tengah Hari

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Yang Berusaha Tuan Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiusaha (Operasi)

Yang Berusaha Tuan Zainudin bin Zakaria

Timbalan Ketua Setiusaha (Pembangunan)

Setiusaha–Setiusaha dan Pengarah–Pengarah Bahagian,

Ketua–Ketua Unit,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan selamat datang kepada hadirin sekalian untuk bersama-sama berada di dalam Majlis Penghargaan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012 pada tengah hari ini. Sebagaimana maklum, Kementerian Kerja Raya telah dianugerahkan pencapaian empat (4) bintang Indeks Akauntabiliti bagi tahun keempat berturut-turut. Majlis Rasmi Penganugerahan Rasmi tersebut telah disempurnakan oleh Y.Bhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 6 Januari 2014 di Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan.

2. Majlis ini adalah bagi merakamkan penghargaan Kementerian terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012.

3. Sebagaimana hadirin sekalian sedia maklum, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan

Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Bagi Tahun 2012 pada bulan **Disember 2012 sehingga Januari 2013**.

4. Pengauditan ini telah melibatkan:-
 - i. Bahagian Kewangan;
 - ii. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia;
 - iii. Bahagian Pengurusan Maklumat;
 - iv. Bahagian Pembangunan dan Penswastaan;
 - v. Bahagian Akaun;
 - vi. Bahagian Pentadbiran;
 - vii. Bahagian Pembangunan Usahawan;
 - viii. Bahagian Perancang Jalan;
 - ix. Bahagian Pengurusan Korporat; dan
 - x. Unit Audit Dalam.

3. Bagi mendorong dan meningkatkan motivasi Kementerian / Jabatan Persekutuan mematuhi undang-undang dan peraturan di dalam pengurusan kewangan, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mulai tahun 2007. Kementerian/ Jabatan

akan diberi penarafan bintang terhadap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan yang diperolehi, di mana 4 bintang merupakan pencapaian tertinggi dan berada di tahap cemerlang (sangat baik) dengan markah 90 peratus ke atas.

4. Pengauditan yang dijalankan adalah bagi menentukan samada wujud struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan, wujud sistem kawalan dalaman, pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan rekod yang berkaitan di selenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Pada tahun 2007 dan 2008 Kementerian Kerja Raya hanya memperoleh 3 bintang sahaja di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti.

6. Walaubagaimana pun, mulai tahun 2009, KKR telah diberi penarafan 4 bintang dan prestasi tersebut telah berjaya dikekalkan sehingga tahun 2012.
7. Pada tahun 2012, KKR menduduki tempat yang ke-8 daripada 25 kementerian yang telah diaudit. Untuk makluman hadirin yang dihormati sekalian, pencapaian pada tahun 2012 merupakan pencapaian tertinggi Kementerian di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan di mana Kementerian telah memperoleh markah keseluruhan sebanyak 95.66%.
8. Tahniah diucapkan kepada Bahagian yang terlibat dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan bagi Tahun 2012 dan diharapkan prestasi ini dapat dikekalkan untuk tahun 2013 dan tahun seterusnya.

Untuk makluman hadirin yang dihormati sekalian,

9. Pada ketika ini, pihak Audit sedang menjalankan **Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**

(AI) bagi Tahun 2013 mulai 13 Januari 2014 sehingga penghujung Februari.

10. Bahagian yang terlibat di dalam pengauditan pada kali ini adalah :
 - i. Bahagian Kewangan;
 - ii. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia;
 - iii. Bahagian Pengurusan Maklumat;
 - iv. Bahagian Pengurusan Korporat;
 - v. Bahagian Pembangunan dan Penswastan;
 - vi. Bahagian Akaun;
 - vii. Bahagian Pentadbiran;
 - viii. Pejabat Undang-Undang; dan
 - ix. Unit Audit Dalam.

11. Sebagaimana tahun sebelum ini, Bahagian Kewangan akan menjadi urus setia untuk menyediakan maklum balas terhadap pemerhatian audit. Sehubungan itu, jasa baik setiap bahagian yang terlibat dipohon agar memberikan kerjasama sepenuhnya kepada urus setia bukan sahaja ketika pengauditan dijalankan dengan mengemukakan dokumen

yang diperlukan secepat mungkin, tetapi juga ketika memberi maklum balas terhadap laporan yang dikeluarkan oleh pihak Audit kelak mengikut tempoh masa yang telah diberikan.

12. Maklum balas yang diberikan perlulah padat, tepat dan menjawab pertanyaan audit. Ciri-ciri maklum balas yang bagus adalah apabila maklum balas yang diberikan kepada pihak Audit tidak mengundang pelbagai soalan susulan dari pihak Audit.
13. Akhir kata, tahniah sekali lagi diucapkan kepada para hadirin sekalian di atas usaha yang telah disumbangkan di dalam memantapkan pengurusan kewangan Kementerian. Diharap prestasi cemerlang ini dapat dikekalkan pada masa akan datang dalam usaha meningkatkan persepsi dan kepercayaan awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan.
14. Sekian, terima kasih.